

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN**

Bil () dlm. MDBG.SULIT/S46/2020

Tarikh : 19 OGOS 2020

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA: 42/2020)


SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebut harga ini terbuka kepada kontraktor yang berdaftar SST / tidak berdaftar SST serta bertaraf Bumiputera sahaja yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KELAYAKAN	TEMPAT & TARIKH DAFTAR	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	<p>No Sebut harga: 42/2020</p> <p>Projek: CADANGAN MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA (LANDMARK) SERTA KERJA MENAIKTARAF JALAN DAN LONGKANG DI SUNGAI DURIAN</p>	<p>GRED G1 Kategori B & C</p> <p>Pengkhususan B04 / CE 01 / CE 21</p>	<p>Tarikh : 21 Ogos 2020</p> <p>(Tempoh Waktu Bekerja Kecuali Sabtu & Ahad Dan Cuti Umum)</p> <p>Tempat : Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan</p> <p>Masa : 9.00 pagi – 3.30 petang</p> <p>Kehadiran : WAJIB</p>	<p>Tempat: Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan</p> <p>Tarikh Dijual : 24 Ogos 2020</p> <p>Masa : 9.00 pagi – 3.30 petang</p> <p>Harga Dokumen : RM50.00</p>	<p>Tarikh Tutup: 28 Ogos 2020</p> <p>Jam: 12.00 tengah hari</p>

1. Lawatan Tapak/ Taklimat Sebutharga **TIDAK DIWAJIBKAN** berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah **Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967**. Pihak Kontraktor boleh melakukan lawatan tapak secara bersendirian tanpa pengawasan pegawai.
2. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja yang boleh mendaftar dan membeli borang sebut harga tersebut.
3. Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa semasa pendaftaran untuk kerja sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak kontraktor tidak dibenarkan menyertai sebut harga.
4. Syarikat / kontraktor boleh melakukan pembayaran pembelian dokumen sebut harga pada hari yang sama selepas pendaftaran dengan harga yang dikemukakan sepertimana di dalam jadual senarai kerja.
5. Kontraktor dikehendaki melampirkan Salinan **resit bayaran** pada setiap borang **sebut harga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga.
6. **Kontraktor yang belum berdaftar dengan Majlis Daerah Batu Gajah boleh mendaftar 1 hari sebelum iualan dokumen sebutharga di Jabatan Kejuruteraan.**
7. Majlis Daerah Batu Gajah tidak terikat menerima sebut harga yang terendah atau tertinggi atau mana-mana sebutharga yang disyorkan.
8. Majlis Daerah Batu Gajah tidak akan bertanggungjawab atas sebab-sebab kelewatan atau kehilangan Borang Sebut Harga tersebut.
9. **Borang sebut harga yang telah lengkap diisi beserta bukti pembayaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga pandu lalu 'drive thru' di ruang lobi, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan sebelum/pada tarikh dan masa seperti di dalam jadual.**
10. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **Majlis Daerah Batu Gajah** sahaja yang layak untuk dipertimbangkan.

Sekian , terima kasih



(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI , AMP**)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah
Batu Gajah

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"